

10/10/2002

Permudah penyelesaian kebuntuan harga air

TAFSIRAN berbeza-beza mengenai butiran perjanjian penjualan air kepada Singapura yang ditandatangani pada 1961 dan 1962 banyak menyumbang kepada kebuntuan ketika ini. Singapura mengambil kesempatan di atas sikap berdiam diri Malaysia apabila tempoh kajian semula kadar harga air tiba pada 1985 dan 1986 sebagai membayangkan negara ini tidak pun berminat untuk melakukan sebarang semakan. Sebaliknya, Malaysia mentafsirkannya sebagai ia berhak menuntut kajian semula kadar harga pada bila-bila masa selepas 25 tahun berkuat kuasanya kedua-dua perjanjian itu, apatah lagi sekarang. Tentunya tidak munasabah untuk Malaysia terus menjual air mentahnya pada kadar 3 sen bagi setiap 1,000 gelen, lebih-lebih lagi ada peruntukan yang membenarkan kadar baru yang sesuai dengan keadaan semasa dirundingkan.

Sebagaimana berulang kali dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kadar harga itu terkandung dalam perjanjian yang dibuat pihak British pada 1927 ketika Singapura menjadi jajahannya dan Johor adalah di bawah perlindungan British. Kerana itu, penjualan air kepada republik itu paling tidak menguntungkan. Kerugian yang ditanggung dianggarkan kira-kira RM3.2 juta apabila kerajaan membayar RM6 juta setahun kepada Singapura bagi membeli air yang dirawat sedangkan hasil penjualan air mentah ke republik itu hanya RM2.8 juta setahun. Untuk menampung sebahagian kerugian itu, kerajaan mengenakan tarif purata RM3 bagi setiap 1,000 gelen air yang dibekalkan kepada pengguna tempatan.

Sambil dipersetujui bahawa antara komponen untuk mengenal pasti harga baru dalam perjanjian itu ialah nilai wang yang digunakan untuk membeli air Malaysia, kos buruh dan faktor berkaitan yang boleh diambil kira, kedua-dua negara bagaimanapun mempunyai formula tersendiri. Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, dalam kunjungannya ke Kuala Lumpur tahun lalu, menawarkan harga 45 sen sehingga tahun 2011, dan 60 sen mulai 2011 sehingga 2061, dan harga yang sama berterusan sehingga 100 tahun selepas itu. Malaysia pula menetapkan syarat bahawa Singapura perlu membayar 60 sen dari 2002 hingga 2007, dan dinaikkan kepada RM3 sehingga 2011. Selepas 2011, Malaysia menuntut struktur harga baru menggunakan formula baru juga. Inilah yang menimbulkan kebuntuan.

Dalam pada Singapura menuntut agar harga pasaran yang diminta Malaysia tidak seharusnya lebih daripada belanja dikeluarkannya bagi menghasilkan Newater - air yang dihasilkan daripada sisa kumbahan manusia dan industri - republik itu masih jelas bermain tarik tali.

Semalam, satu kenyataan Ong Keng Yong, Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri Singapura, menegaskan bahawa pendirian Singapura bahawa Malaysia tidak mempunyai asas undang-undang untuk mengkaji semula harga air di bawah Perjanjian 1961 dan 1962 selepas kelewatan 15 hingga 16 tahun, tidak berubah. Sebaliknya, Singapura hanya sedia membincangkan kajian semula harga air sebagai sebahagian daripada pakej isu-isu tertangguh dua hala bersama Malaysia dan bukan secara berasingan sebagaimana difahami.

Sebenarnya tiada keraguan bahawa Goh Chok Tong sendiri, ketika ditanya pemberita di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur di Kuala Lumpur, kelmarin menyatakan bahawa secara dasarnya pihaknya tidak menentang semakan harga tetapi harus ada asas dalam menetapkan harga baru. Pelbagai andaian boleh dibuat, antaranya Singapura mungkin tidak bersetuju sebarang semakan semula dikira ke belakang sejak 1985-86 atau mengharapkan Malaysia akan menurunkan kadar baru yang dituntutnya. Kerana itu, mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara pada 16 dan 17 Oktober ini seharusnya

dipermudahkan dalam mencari kata sepakat dan bukan dengan rentetan hujah mengelirukan sebagaimana kenyataan Ong semalam yang hanya boleh mengusutkan keadaan. Malaysia tidak sekali-kali pernah menyatakan ia tidak bersedia untuk terus membekalkan air, sebaliknya hanya menuntut kadar harga yang lebih munasabah mengikut keadaan semasa serta selari dengan harga yang dikenakan negara lain. Dalam pada itu, Malaysia juga tiada halangan jika Singapura ingin mendapatkan bekalan air dari Riau dan Sumatera atau membina loji sulingan air masin di Changi sebagai alternatif.